

17 MAY 2002

ATM-Keupayaan

ATM BERUPAYA KENDALIKAN PERALATAN BARU ATM

KOTA KINABALU, 17 Mei (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai keupayaan mengendalikan sebarang peralatan ketenteraan canggih yang bakal diperolehi kerajaan dalam usahanya memodenkan angkatan tentera negara, kata Panglima ATM Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin hari ini.

Menurut beliau ATM sentiasa mengkaji semua peralatan yang hendak diperolehi kerajaan.

Sebagai contoh ATM telah menghantar anggota untuk menjalani latihan pengendalian kapal selam sebagai persediaan mengendalikan kapal berkenaan apabila peralatan itu diperolehi.

"Kita menghantar anggota untuk menjalani latihan menyesuaikan diri dengan operasi kapal selam yang merupakan satu operasi yang unik," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau sebelum itu mengiringi lawatan Panglima Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Mej-Gen Datuk Paduka Seri Mohamed Jaafar Abdul Aziz ke lokasi "Ops Pasir" di perairan pantai timur Sabah.

Mohamed Zahidi berkata proses perolehan kapal selam itu kini dalam peringkat akhir dan akan ditandatangani dengan negara pembuat tidak lama lagi.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Apabila diperolehi kelak ia akan ditempatkan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Teluk Sepanggar dekat sini berharga RM800 juta yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sebelum hujung tahun 2004.

Mohamed Zahidi yang turut diminta mengulas kemungkinan Malaysia membeli pesawat tempur pelbagai fungsi FA-18E/F Super Hornet dari Amerika Syarikat, menyatakan kesediaan ATM untuk mengendalikan peralatan berkenaan.

Pada 13 Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan ke Amerika Syarikat atas undangan Presiden George W. Bush, berkata Malaysia mungkin membeli pesawat itu "jika tawarannya baik dan menepati apa yang kita inginkan."

-- BERNAMA

JS RON